

Untuk baiki ekonomi **Kerajaan** **berhasrat** **kurangkan** **kegiatan** **politik - PM**

PULAU PINANG 17 Jan. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata di sini malam ini bahawa kerajaan berhasrat untuk mengurangkan peranan dan kegiatan politik untuk menumpukan usaha kepada pembangunan khususnya membaiki ekonomi bumiputera. Sambil menyesali usaha kerajaan selama 30 tahun untuk membaiki ekonomi bumiputera dan setelah 17 tahun pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru tidak mencapai matlamatnya, Perdana Menteri menegaskan, "kalau banyak masa ditumpukan kepada politik maka kita tidak akan mencapai kejayaan dalam bidang ekonomi."

Berucap di jamuan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia di sini beliau menolak dakwaan kemelesetan ekonomi sebagai alasan kepada kelemahan bumiputera memandangkan ada negara seperti Korea, Taiwan dan sekarang ini Thailand yang semakin maju dalam zaman kemelesetan ini. Jika tumpuan sepatutnya tidak diberikan dalam bidang ekonomi kerana banyak masa diberikan kepada politik maka

pembangunan ekonomi tidak akan tercapai, tegasnya.

Ini menunjukkan kuasa politik yang telah memberi berbagai kemudahan kepada bumiputera termasuk pengubalan berbagai dasar di samping peruntukan \$500 juta tidak memperolehi hasil, katanya.

Ini kerana kelemahan mereka dalam banyak bidang terutama dari segi pengurusan, amanah dan membelakangkan amalan-amalan yang baik, ujarnya. "Setiap kali kita membaca akhbar ada berita mengenai bumiputera yang bankrap yang tidak menyenangkan kerajaan yang bermakna usaha-usaha selama 30 tahun dan 17 tahun itu perlu dimulakan semula.

"Kita perlu berusaha untuk memulihkan keadaan ini dan tidak semata-mata bergantung kepada pertolongan kerajaan," ujar beliau.

Menurut beliau, pada waktu negara mewah kita mendapati ada pengusaha bumiputera yang dianggap telah berjaya ke tahap yang diidam-idamkan tetapi apabila berlaku kemelesetan ekonomi mereka yang dianggap berjaya itu sebenarnya masih lemah.